



BULETIN MPSP

BIL. 2/2017

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud
(Yang Dipertua)

PENASIHAT

Puan Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmod
(Setiausaha Perbandaran)

KETUA EDITOR

Encik Wan Junaidy Bin Yahaya

EDITOR

Puan Salemah Binti Ayob
Jawatankuasa Buletin MPSP

JURUGAMBAR

Encik Mohd Faiz Bin Abdul Halim
Encik Mohd Fakhrees Bin Mohd Ali

KANDUNGAN

1. SESI TOWN HALL DIALOG BAJET 2018
2018 TOWN HALL BUDGET DIALOGUE SESSION
2. SESI PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM TAMAN BERSIH 2016
2016 CLEAN GARDEN PROGRAMME PRIZE GIVING SESSION
3. KEMPEN PENGASINGAN SISA DI PUNCA "PENGUMPULAN BARANGAN KITAR SEMULA UNTUK PENCEGAHAN DENGGI"
SEPARATION OF WASTE AT SOURCE CAMPAIGN "COLLECTING RECYCLABLE ITEMS IN PREVENTION OF DENGUE FEVER"
4. UJI CUBA PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN DI PUNCA
TEST RUN OF SEPARATION AT SOURCE POLICY ENFORCEMENT
5. UJI CUBA PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA UNTUK PERUMAHAN BERSTRATA
TEST RUN OF WASTE SEPARATION AT SOURCE POLICY ENFORCEMENT FOR STRATIFIED HOUSING
6. MAJLIS PERASMIAN GERAJ PENJAJA & LUKISAN MURAL (PENGASINGAN SISA DI PUNCA) PASAR AWAM TAMAN BERJAYA
OPENING CEREMONY OF HAWKER STALLS & MURAL PAINTING (WASTE SEPARATION AT SOURCE) AT TAMAN BERJAYA PUBLIC MARKET
7. PERASMIAN PUSAT LATIHAN DAN PAMERAN UPCYCLE PERTUBUHAN PENDUDUK KEPALA GAJAH
LAUNCHING OF UPCYCLING TRAINING AND EXHIBITION CENTRE OF KEPALA GAJAH RESIDENTS ORGANIZATION
8. MAJLIS PERASMIAN "BERHIBUR BERSAMA DESPICABLE ME3 DI PULAU PINANG"
OPENING CEREMONY OF "ENTERTAINING WITH DESPICABLE ME 3 IN PENANG"
9. MPSP TELAH MEMENANGI ANUGERAH SILVER AWARD DALAM KATEGORI "DIGITAL INCLUSION" OLEH THE WORLD E-GOVERNMENT (WEGO)
MPSP WON SILVER AWARD IN THE CATEGORY OF "DIGITAL INCLUSION" BY THE WORLD E-GOVERNMENT (WEGO)
10. MAJLIS PELANCARAN "DOME DESPICABLE ME 3"
LAUNCHING CEREMONY OF "DOME DESPICABLE ME 3"
11. MAJLIS PELANCARAN "BUTTERWORTH ART WALK PELAN BUTTERWORTH BAHARU"
LAUNCHING CEREMONY OF "BUTTERWORTH ART WALK OF NEW BUTTERWORTH PLAN"
12. MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA PERBANDARAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
INAUGURATION CEREMONY OF PRESIDENT AND MUNICIPAL SECRETARY OF THE SEBERANG PERAI MUNICIPAL COUNCIL
13. PELANCARAN PROJEK PELEBARAN JAMBATAN BATU KAWAN
LAUNCHING OF BATU KAWAN BRIDGE WIDENING PROJECT
14. MAJLIS PELANCARAN MENGUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI PANGSAPURI SRI MEKAR 1
LAUNCHING CEREMONY OF SRI MEKAR APARTMENT 1 USED COOKING OIL COLLECTION
15. BM WALK 1.0 2017
16. X-CHANNEL ALL NIGHT WALK 2017
2017 X-CHANNEL ALL NIGHT WALK
17. MAJLIS PENYERAHAN BEKAS KITAR SEMULA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DALAM PARLIMEN BUKIT MERTAJAM
CEREMONY OF HANDING RECYCLE CONTAINERS TO SCHOOLS IN BUKIT MERTAJAM PARLIAMENT
18. PERHIMPUNAN KORPORAT
19. SAMBUTAN HARI MAJLIS 2017
20. KEMPEN DERMA DARAH & PEMERIKSAAN KESIHATAN SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-43
21. JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MPSP

KANDUNGAN

22. MAJLIS BERSAMA PLANNER OF THE YEAR
23. MAJLIS PENGUMPULAN PINGAT SEMPENA ULANGTAHUN KELAHIRAN KE-79 TUAN YANG TERUTAMA
MEDAL CONFERMENT CEREMONY IN CONJUNCTION WITH THE 79TH BIRTH ANNIVERSARY OF HIS EXCELLENCY
24. MAJLIS PELEBARAN JALAN BUKIT TAMBUN
CEREMONY OF BUKIT TAMBUN ROAD WIDENING
25. BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2017
26. SESI TOWN HALL BERTAUK 'APAKAH YANG ANDA MAHU DI TINGKAT 1 PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM'
27. MAJLIS PELANCARAN NEGARAKU SEHATI SEJIWA DAN PENYERAHAN JALUR GEMILANG
28. SEBERANG PERAI FIESTA 2017
29. MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN DEWAN BANQUET AMPANG JAJAR
LAUNCHING CEREMONY OF AMPANG JAJAR BANQUET HALL CONSTRUCTION
30. PROGRAM PENANAMAN POKOK TABEBUIA SPP. (TECOMA) SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-60
PLANTATION OF TABEBUIA SPP. (TECOMA) TREES IN CONJUNCTION WITH THE 60TH INDEPENDENCE DAY CELEBRATION
31. SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-60 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
32. AKTIVITI-AKTIVITI PERSATUAN:
 - MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN MPSP YANG MEMERLUKAN SEMPENA BULAN RAMADHAN ANJURAN PUSPANITA MPSP
 - PENYAMPAIAN SUMBANGAN TABUNG RAMADHAN PERMAI 2017
 - MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA PERAYAAN HARI MAJLIS KE-43 TAHUN 2017 DAN KEBERANGKATAN JEMAAH HAJI MPSP 1438H
 - PERTANDINGAN BOWLING ANTARA JABATAN ANJURAN PERSATUAN KEBAJIKAN SUKAN & SOSIAL MPSP
 - CERAMAH PERDANA SEMPENA PERAYAAN HARI MAJLIS KE-43 TAHUN 2017 (ANJURAN PERMAI MPSP)
33. LAWATAN :
 - LAWATAN DARI LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU (BDA)
 - LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
 - LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN
 - LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
 - LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KLANG
 - LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
 - LAWATAN DARI PDCMC
 - LAWATAN DARI PERSATUAN PENGGERAK KOMUNITI MUDA PULAU PINANG (PEKA)
 - LAWATAN KERJA JABATAN AKAUNTAN NEGARA

SESI TOWN HALL DIALOG BAJET 2018



Sesi Town Hall Dialog Bajet MPSP 2018 telah diadakan pada 13 Mei 2017 bertempat di Iconic Hotel, Juru. Tahun ini merupakan tahun keenam MPSP mengadakan Sesi Town Hall Dialog Bajet bersama komuniti. Sesi dialog ini bertujuan untuk melibatkan wakil komuniti serta penduduk Seberang Perai dalam merangka strategi Bajet 2018 dengan memberi pandangan serta cadangan dalam penambahbaikan perkhidmatan disamping menggalakkan penyertaan komuniti dalam program tadbir urus MPSP.

Seramai 167 peserta telah mengambil bahagian dalam sesi dialog ini. Mereka terdiri daripada Ahli Parlimen, ADUN, NGO, Ketua Jabatan, PWDC, Think City, JKKK, Briged Wanita, wakil agensi kerajaan dan swasta serta individu telah mengambil bahagian dalam sesi dialog ini. Para peserta turut dibahagikan secara berkumpulan bagi mengemukakan pandangan dan cadangan dengan perbincangan mengikut 8 fokus iaitu :

- 1) Kebersihan
- 2) Penguatkuasaan Undang-Undang
- 3) Keselamatan Lalulintas
- 4) Kawalan Banjir
- 5) Infrastruktur Dan Kemudahan Awam
- 6) Pengindahan Dan Kehijauan
- 7) Penglibatan Komuniti
- 8) Pelancongan Dan Warisan



Sesi perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). Antara jemputan yang turut hadir adalah YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang & Alam Sekitar), YB Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti), YB Tanasekharan A/L Autherapady (ADUN Bagan Dalam), YB Dr. Hjh Norlela Arifin (ADUN Penanti) dan YB Soon Lip Chee (ADUN Jawi).

2018 TOWN HALL BUDGET DIALOGUE SESSION

2018 Town Hall Budget Dialogue Session has been held on the 13th May 2017 at Hotel Iconic, Juru. This year this the sixth year for MPSP to hold Town Hall Budget Dialogue Session with the community. This dialogue session aims to involve community representatives and Seberang Perai residents in framing 2018 budget strategy by providing opinions and suggestions in improving services while encouraging community involvement in MPSP governance programme.

As many as 167 participants took part in this dialogue session. The people consist of members of parliament, assemblymen, NGO, heads of departments, PWDC, Think City, JKKK, Briged Wanita, representatives from government and private agencies, as well as individuals took part in this dialogue session. All participants were divided into groups to present their opinions and suggestions according to 8 focuses, being:

- | | |
|---------------------|---|
| 1) Sanitation | 5) Infrastructure and Public Facilities |
| 2) Laws Enforcement | 6) Beautification and Greenery |
| 3) Road Safety | 7) Community Involvement |
| 4) Flood Control | 8) Tourism and Legacy |

The opening session was graced by YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). Among the invited who attended were YB Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Chong Eng (Exco of Youth and Sports, Woman, Family and Community Development), YB Tanasekharan A/L Autherapady (Bagan Dalam Assemblyman), YB Dr. Hjh Norlela Arifin (Penanti Assemblyman) and YB Soon Lip Chee (Jawi Assemblyman).



SESI PENYAMPAIAN HADIAH PROGRAM TAMAN BERSIH 2016



Bersempena dengan Sesi 'Town Hall' Dialog Bajet MPSP 2018, majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Taman Bersih 2016 telah diadakan. Sebanyak 37 taman telah dinilai dan penilaian akhir telah dibuat terhadap 7 taman terbaik yang memenuhi kriteria pertandingan yang mewakili 7 kawasan parlimen. Pemenang adalah seperti berikut :

- Tempat Pertama - Taman Sungai Acheh
- Tempat Kedua - Taman Bertam Indah Fasa 6
- Tempat Ketiga - Taman Janggus Jaya
- Tempat Keempat - Taman Bayu Aman Fasa 1 & 2
- Tempat Kelima - Taman Kota Permai
- Tempat Keenam - Taman Jawa
- Tempat Ketujuh - Taman Seri Impian



MPSP berharap agar kesemua taman ini akan terus mengekalkan kebersihan kawasan taman masing-masing walaupun selepas tempoh pertandingan. Tahniah kepada semua pemenang.



2016 CLEAN GARDEN PROGRAMME PRIZE GIVING SESSION

In conjunction with 2018 "Town Hall" Budget Dialogue Session of MPSP, prize giving ceremony for 2016 Clean Garden Competition was held. As many as 37 gardens had been evaluated and the final evaluation was done towards 7 best gardens representing 7 parliament areas that fulfill the competition criteria. The winners are:

1st Place – Taman Sungai Acheh

2nd Place – Taman Bertam Indah (Phase 6)

3rd Place – Taman Janggus Jaya

4th Place – Taman Bayu Aman (Phase 1 & 2)

5th Place – Taman Kota Permai

6th Place – Taman Jawa

7th Place – Taman Seri Impian



MPSP hopes that all these gardens will keep on maintaining cleanliness of their respective gardens' areas even though the competition period was over. Congratulations to all winners!

KEMPEN PENGASINGAN SISA DI PUNCA "PENGUMPULAN BARANGAN KITAR SEMULA UNTUK PENCEGAHAN DENGGI"



MPSP dengan kerjasama Pusat Sumber Alam Sekitar Permatang Nibong telah menganjurkan Kempen Pengasingan Sisa Di Punca "Pengumpulan Barangan Kitar Semula Untuk Pencegahan Denggi". Program ini diadakan adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dikalangan penduduk dalam mengekalkan kebersihan di kawasan tempat tinggal di samping mencegah pembiakan nyamuk aedes. Pada masa yang sama aktiviti gotong-royong juga turut diadakan melibatkan para penduduk, pelajar sekolah dan kakitangan MPSP. Para peserta gotong royong dibahagi kepada beberapa kumpulan dan hadiah turut diberi kepada kumpulan yang dapat mengumpul barangan kitar semula paling tinggi. Sesi perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP). Turut hadir sama adalah Encik Mohd Puad Bin Hamid (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP), Encik Rosli Bin Ishal (Pengerusi Kariah Permatang Nibong), wakil dari Pejabat Kesihatan Daerah SPT, wakil dari Madrasah Al-Aminiah, wakil komuniti serta para penduduk.



SEPARATION OF WASTE AT SOURCE CAMPAIGN "COLLECTING RECYCLABLE ITEMS IN PREVENTION OF DENGUE FEVER"

MPSP with cooperation from Permatang Nibong Environmental Resources Centre had held Separation of Waste at Source Campaign "Collecting Recyclable Items in Prevention of Dengue Fever". This programme was held to apply moral values among residents in preserving cleanliness around residential areas while preventing breeding of Aedes mosquitoes. Meanwhile, a community cooperation was held, involving the residents, school pupils and MPSP personnel. The participants were separated into groups and prize was also given to the group with most recyclable items collected. The opening ceremony was graced by Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Municipal Secretary). Also present at the ceremony were Mr. Mohd Puad bin Hamid (Director of MPSP Municipal Services), Mr. Rosli bin Ishal (Chairman of Kariah, Permatang Nibong), representative from SPT District Health Office, representative from Madrasah Al-Aminiah, community representative and residents.

KEMPEN PENGASINGAN SISA DIPUNCA

PENGUMPULAN BARANGAN KITAR SEMULA

UNTUK PENCEGAHAN DENGGI

Tempat : Pusat Pengumpulan Kitar Semula, Permatang Nibong
Tarikh : 21 Mei 2017 (Ahad) | Masa : 8.00 am - 12.00 pm



UJI CUBA PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN DI PUNCA

Uji cuba penguatkuasaan ini dijalankan sempena pelaksanaan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Di Punca pada 1 Jun 2017 ini. Dalam sesi uji cuba ini para pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP memeriksa secara terperinci tong-tong sampah di premis kediaman di Taman Perda Timur untuk memastikan samada pengasingan sisa di punca diamalkan atau pun tidak oleh penghuni rumah.

Prosedur dan dokumentasi dilaksanakan supaya rekod dan bukti disimpan untuk tujuan pembuktian. Para penghuni yang didapati melakukan kesalahan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Perlesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MPSP) 2016.



Sesi uji cuba ini turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Encik Oon Lai Kuan (Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal, Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Pulau Pinang), Ahli Majlis MPSP, Encik Mohd Puad Bin Hamid (Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MPSP), Ahli Jawatankuasa Surau Taman Perda Timur, wakil jabatan serta wakil media.


TEST RUN OF SEPARATION AT SOURCE POLICY ENFORCEMENT



Test Run of Separation at Source Policy Enforcement has been held in conjunction with enforcement of the implementation of Separation at source on 1st June 2017. In this test run session, officers from MPSP Department of Municipal Services inspected garbage bins in Taman Perda residential premises in detail to ensure whether separation at source is being practised by the residents.

Procedure and documentation is practised so that record and evidence are kept as proof. Residents who are found to commit offense will be subjected to law enforcement action under Separation of Waste and Licensing of Recyclable Waste Collection Services (MPSP) By-Laws 2016.

Also present at the test run were YBhd. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Mr. Oon Lai Kuan (Head of Solid Waste Management Unit, Division of Penang State Local Government), MPSP councillors, Mr. Mohd Puad bin Hamid (Director of MPSP Municipal Services), committee members of Taman Perda Timur Surau Committee, department representatives and media representatives.



UJI CUBA PENGUATKUASAAN DASAR PENGASINGAN SISA DI PUNCA UNTUK PERUMAHAN BERSTRATA



Program ini adalah usaha Majlis untuk menggalakkan dan memberi kesedaran tentang Dasar Pengasingan Di Punca dikalangan masyarakat bersempena pelaksanaan penguatkuasaan Dasar Pengasingan Di Punca pada 01 Jun 2017. Para pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPSP telah memeriksa secara terperinci tong-tong sampah di skim berstrata untuk memastikan samada Pengasingan Sisa Di Punca diamalkan atau tidak oleh penghuni premis. Turut hadir adalah YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Encik Oon Lai Kuan (Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Pejabat SUK Pulau Pinang), Ketua Jabatan MPSP, wakil JMB/MC serta para media.



Terdapat sebanyak 1,042 skim berstrata dengan bilangan petak sebanyak 72,383 di seluruh kawasan MPSP. Promosi kepada komuniti berstrata oleh Jabatan Pesuruhjaya Bangunan telah dibuat melalui seminar dan surat peringatan kepada JMB/MC serta edaran poster pemberitahuan program. Selain daripada itu, Jabatan mengambil inisiatif dengan memberi taklimat kesedaran sewaktu menghadiri sesi AGM/EGM/Sesi Dialog bersama penduduk. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Kemasyarakatan juga turut sama turun padang mempromosikan kesedaran mengenai dasar ini di kawasan pembangunan berstrata.



Di dalam Bahagian III Undang – Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MPSP) 2016 menggariskan fungsi Badan Pengurusan Bersama untuk memberitahu pemunya atau penghuni tentang Undang-Undang Kecil ini dan memastikan pemunya atau penghuni menguruskan sampah yang boleh dikitar semula mengikut cara yang ditetapkan oleh majlis serta menyediakan tempat pengasingan sampah yang teratur. Bagi mana-mana orang yang tidak mematuhi undang-undang ini, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. JMB / MC tidak akan diberikan kompaun sekiranya pemilik petak gagal menjalankan pengasingan sampah.



Berdasarkan Undang-undang Kecil ini, tindakan kompaun akan dikenakan kepada pemilik premis yang tidak menjalankan Pengasingan Di Punca adalah maksimum RM 250.00 bagi setiap kesalahan yang dilakukan. Bagi premis bertanah, tindakan kompaun akan dikenakan kepada penghuni premis terbabit. Bagi premis berstatus strata, tindakan kompaun adalah kepada pihak pengurusan sekiranya gagal menyediakan kemudahan bagi menjalankan pengasingan sisa di premis yang diuruskan. Sekiranya pihak pengurusan telah menyediakan kemudahan terbabit tetapi pemilik petak tidak mematuhi peraturan Dasar Pengasingan Di Punca, kompaun akan dikeluarkan kepada pemilik petak.

TEST RUN OF WASTE SEPRATION AT SOURCE POLICY ENFORCEMENT FOR STRATIFIED HOUSING



This programme is the effort of the council to encourage and create awareness regarding Waste Separation at Source Policy among community in conjunction with implementation of enforcement of Waste Separation at Source on 1st June 2017. Officers from Department of Municipal Services, MPSP Building Commissioner Department had inspected in detail the trash bins in the stratified scheme to ensure whether Waste Separation at Source is being practiced or not by residents of the premises. Also present were YB Sir Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation), YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture and Agro-Based Industry, Rural Development and Health), Mr. Oon Lai Kuan (Head of Solid Waste Management Unit, Penang State Secretariate Office), head of department of MPSP, representatives from JMB/MC and the media.

There are 1,042 stratified schemes with a total of 72,383 units throughout the MPSP area. Promotion to stratified communities by Department of Building Commissioners was made through seminars and reminders to JMB/MC and distribution of program notification posters. In addition, the department took the initiative to provide awareness briefings during the AGM/EGM/Dialogue session with the residents. The Municipal Services Department and the Community Department also joined to promote awareness of this policy in stratified development areas.

Section III of the Separation of Waste and Licensing of Recyclable Waste Collection Services (MPSP) By-Laws 2016 outlined the functions of the Joint Management Body to notify owners or occupants of these By-Laws and to make sure owners or occupants manage the recyclable waste in the manner as prescribed by the council as well as providing organized garbage segregation places. For anyone who does not comply with these laws, on conviction, will be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or both. JMB/MC will not be compounded if the unit owner fails to exercise waste separation.

According to these By-Laws, the compounding action will be imposed on the owner of the premises that does not exercise Waste Separation at Source is a maximum of RM 250.00 for every offense committed. For landed premises, compound action will be charged to the occupants of the premises. For premises with strata status, the compound action is imposed to the management if it fails to provide facilities for waste separation at the premises managed. If the management has provided the facilities but the owner of the unit does not comply with the rules set by Waste Separation Policy, the compound will be issued to the owner of the unit.



MAJLIS PERASMIAN GERAI PENJAJA & LUKISAN MURAL (PENGASINGAN SISA DI PUNCA) PASAR AWAM TAMAN BERJAYA



Perasmian Gerai Penjaja dan Lukisan Mural ini telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Projek ini meliputi pembinaan bumbung tambahan antara kompleks makanan dan minuman dengan bangunan pasar awam. Pembinaan bumbung tambahan ini dilengkapi dengan struktur penghadang hujan / panas serta 4 unit Exhaust Fan. Projek ini juga sedikit sebanyak dapat memberi keselesaan kepada para peniaga di pasar tersebut dan dapat menambah petak gerai kepada para peniaga untuk menjalankan aktiviti perniagaan.

Dalam majlis yang sama, lukisan mural bertemakan "Pengasingan Sisa Di Punca" turut dirasmikan. Lukisan ini telah dihasilkan oleh para pelajar dari Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman. Lukisan ini merupakan satu didikan awal kepada orang awam tentang kesedaran menjaga kebersihan alam sekitar sejajar dengan kempen Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan pengasingan sisa di punca.



Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), YB Tuan Soon Lip Chee (ADUN Jawi), YB Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee (Timbalan Speaker DUN), Encik Jason H'ng Mooi Lye dan Cik Heng Yeh Shiuan (Ahli Majlis MPSP), Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan MPSP, wakil komuniti serta para penduduk.



OPENING CEREMONY OF HAWKER STALLS & MURAL PAINTING (WASTE SEPARATION AT SOURCE) AT TAMAN BERJAYA PUBLIC MARKET

The opening of the Hawker Stalls and Mural Painting was officiated by YAB Sir Lim Guan Eng, Penang Chief Minister. This project covers the construction of additional rooftops between food and beverage complex and the public market building. The construction of this additional roof is equipped with rain / heat shield structure and 4 Exhaust Fan units. The project also more or less provides better comfort to traders in the market and is able add more stall lattices for traders to trade.

In the same event, a mural painting themed "Waste Separation at Source" was launched. This painting was produced by students from Tuanku Abdul Rahman High School. This painting is an early education to the public about the awareness of environmental sanitation in line with the State Government's campaign in implementing of Waste Separation at Source.

Also present at the ceremony were YB Tuan Chow Kon Yeow (Exco of Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation), YB Tuan Soon Lip Chee (Jawi Assemblyman), YB Dato' Haji Maktar bin Haji Shapee (Deputy Speaker of the State Assembly), Jason H'ng Mooi Lye and Ms. Heng Yeh Shiuan (MPSP councilors), Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP Municipal Secretary), MPSP Head of Department, community representatives and residents.



PERASMIAN PUSAT LATIHAN DAN PAMERAN UPCYCLE PERTUBUHAN PENDUDUK KEPALA GAJAH



Pusat Latihan dan Pameran Upcycle Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah telah bermula sejak tahun 2000 lagi dan telah diasaskan oleh Encik Tan Chor Soon. Barang kitar semula yang dikumpul akan dijual dan hasil jualan yang diperolehi digunakan untuk menampung aspek pengurusan persatuan serta menjalankan kerja amal dengan sumbangan kepada pelajar miskin di sekolah sekitar Simpang Ampat.

Penglibatan Ahli Majlis MPSP Dr. Tiun Ling Ta dalam memberikan peruntukan dan khidmat nasihat daripada pegawai MPSP kepada pengurusan pusat latihan ini telah banyak membantu pusat latihan ini dengan memberi latihan kepada kaum ibu dalam aktiviti upcycle seperti menjahit banner, membuat kraftangan menggunakan kertas dan kain terpakai. Latihan diadakan pada setiap hari Isnin dan Rabu jam 8.00 malam hingga 10.00 malam. MPSP juga berharap semoga pusat latihan ini dapat terus berkembang dan akan berjaya menjana ekonomi tempatan disamping memberikan impak yang positif dalam pengurusan alam

sekitar sejajar dengan kempen kerajaan negeri dalam menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP) telah hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Turut hadir sama Dr. Tiun Ling Ta (Ahli Majlis MPSP), Encik Tan Chor Soon (Pengerusi Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah), Puan Tang Munne (Ketua Bahagian Wanita Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah), Pengerusi JKKK Kepala Gajah, Ahli-ahli Pertubuhan Penduduk Kepala Gajah serta para penduduk.



LAUNCHING OF UPCYCLING TRAINING AND EXHIBITION CENTRE OF KEPALA GAJAH RESIDENTS ORGANIZATION

Upcycling Training and Exhibition Centre of Kepala Gajah Residents Organization has been started since year 2000 and was founded by Mr. Tan Chor Soon. Recyclable items collected will be sold and sales revenue obtained will be used to accommodate aspects of association management and to carry out charitable work by contributing to poor students in schools around Simpang Ampat.

Involvement of MPSP assemblyman, Dr. Tiun Ling Ta in providing allocations and advising services from MPSP officers towards the management of this training centre has greatly helped this training centre by providing trainings for mothers in upcycling activities such as sewing banners, making handicraft using used paper and cloth. Training are held every Monday and Wednesday from 8.00 pm to 10.00 pm. MPSP also hopes that this training center will continue to evolve and will succeed in generating local economy while providing a positive impact in environmental management in line with the state government's campaign in making Penang island more Clean, Green, Healthy and Safe.

YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP) was present to complete the opening session. Also present were Dr. Tiun Ling Ta (MPSP councilor), Mr. Tan Chor Soon (Chairman of Kepala Gajah Residents Organization), Madam Tang Munne (Head of Women's Division of the Kepala Gajah Residents Organization), chairman of Kepala Gajah JKKK, members of Kepala Gajah Residents Organization and residents.

MAJLIS PERASMIAN "BERHIBUR BERSAMA DESPICABLE ME 3 DI PULAU PINANG"

Pameran ini akan diadakan bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kebangsaan Malaysia Ke-60. Ia akan diadakan selama 10 minggu iaitu pada 22 Jun 2017 – 3 September 2017. Para pengunjung disediakan dengan pelbagai pameran dan berpeluang bergambar dengan Minions termasuk satu Minions gergasi berukuran 32 kaki yang diperbuat daripada bunga-bunga yang berwarna-warni dan satu patung gergasi sebesar 15 kaki. Di samping itu terdapat satu dom sebesar 4600 kaki di mana pengunjung boleh melawati galeri Despicable Me 3 dan pelbagai barangan kanak-kanak turut dijual. Pameran ini juga turut menyediakan ruangan Penang Corner di mana para pengunjung dapat merakamkan detik kegembiraan bersama Minion yang berunsurkan elemen-elemen utama Pulau Pinang.



Sesi perasmian telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Turut hadir sama YB Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), YB Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti (Air & Telekom), Dan Pengangkutan (Udara, Laut & Darat)), YB Tanasekharan A/L Autherapady, ADUN Bagan Dalam, YB Puan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti), YBhg.

Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Encik Ooi Chok Yan (CEO Penang Global Tourism), Encik William Ang (General Manager JWL Resources Asia Sdn. Bhd), Ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP), serta para pengunjung.



OPENING CEREMONY OF "ENTERTAINING WITH DESPICABLE ME 3 IN PENANG"



The exhibition will be held in conjunction with Hari Raya Aidilfitri and the 60th Malaysia National Day celebration. It will be held for 10 weeks starting from 22nd June 2017 – 3rd September 2017. Visitors are provided with various exhibitions and have the chance to take photograph with Minions including a 32-foot giant Minion made of colorful flowers and one giant figurine at 15-foot. In addition, there is a 4600-foot dom where visitors can visit the gallery of Despicable Me 3 and various children's items are sold. The exhibition also provides a Penang Corner space where visitors can capture moments of excitement with Minion with primary elements of Penang.



The launching session was graced by YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). Also present were YB Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities (Water & Telekom), and Transportation (Air, Sea and Railway)), YB Tanasekharan A/L Autherapady (Bagan Dalam assemblyman), YB Madam Chong Eng (Exco of Youth and Sports, Women, Family & Community Development), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Mr. Ooi Chok Yan (CEO of Penang Global Tourism), Mr. William Ang (General Manager of JWL Resources Asia Sdn Bhd), MPSP councilors, Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP Municipal Secretary), and visitors.

MPSP TELAH MEMENANGI ANUGERAH SILVER AWARD DALAM KATEGORI "DIGITAL INCLUSION" OLEH THE WORLD E-GOVERNMENT (WEGO)



MPSP telah memenangi Silver Award dalam kategori "Digital Inclusion" untuk 3rd WeGO Smart Sustainable City Awards melalui Smart Monitoring System 2.0 (SMS2.0). The WeGO SSCA diperkenalkan pada tahun 2011 untuk mengiktiraf dan mempromosi outstanding ICT, e-government dan smart city innovation sebuah bandar dan pihak kerajaan tempatan seluruh dunia. Award ni terbuka kepada semua bandar dan kerajaan tempatan seluruh dunia samaada ahli atau bukan ahli WeGO. Terdapat 6 kategori iaitu open city, digital inclusion, innovative smart city, sustainable city, e-government service dan cooperative city.

Majlis penganugerahan berkenaan telah disampaikan semasa 4th WeGO General Assembly di Ulyanovsk Region, Russia yang berlangsung pada 27 hingga 30 Jun 2017. Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diwakili oleh Encik H'ng Mooi Lye, ahli majlis MPSP. Ucapan tahniah kepada semua kakitangan dan individu yang terlibat.

Diatas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai berkaitan ICT, World E-Government Organization (WeGO) telah melantik MPSP sebagai Executive Committee bagi penggal 2017 -2020. Encik H'ng Mooi Lye mewakili Dato' yang Dipertua MPSP telah menerima pelantikan berkenaan dan mengucapkan terima kasih serta menyatakan komitmen MPSP dalam mempertingkatkan ICT di masa hadapan.

MPSP WON SILVER AWARD IN THE CATEGORY OF "DIGITAL INCLUSION" BY THE WORLD E-GOVERNMENT (WEGO)

MPSP has won the Silver Award in the "Digital Inclusion" category for the 3rd WeGO Smart Sustainable City Awards through Smart Monitoring System 2.0 (SMS2.0). The WeGO SSCA was introduced in 2011 to recognize and promote outstanding ICT, e-government and smart city innovation of a city and local governments around the world. This award is open to all cities and local governments around the world whether they are members or non-members of WeGO. There are 6 categories: open city, digital inclusion, innovative smart city, sustainable city, e-government service and cooperative city.

The award ceremony was presented during the 4th WeGO General Assembly in Ulyanovsk Region, Russia which took place from 27 to 30 June 2017. The Seberang Perai Municipal Council was represented by Mr. H'ng Mooi Lye, MPSP councillors. Congratulations to all the staffs and individuals involved.

Seeing the commitment and enthusiasm shown by the Seberang Perai Municipal Council on ICT, World E-Government Organization (WeGO) has appointed MPSP as Executive Committee for term 2017 - 2020. Mr. H'ng Mooi Lye representing Dato MPSP President has accepted the appointment and thanked and expressed the MPSP's commitment in enhancing ICT in the future.



MAJLIS PELANCARAN "DOME DESPICABLE ME 3"



"Dome Despicable Me 3" merupakan salah satu daripada slot dalam program "Berhibur Bersama Despicable Me 3 Di Pulau Pinang". Dome ini bersaiz 4600 kaki dengan boleh memuatkan seramai 200 orang pengunjung dan telah mencipta rekod dalam Malaysia Book Of Record sebagai dome pameran gergasi terbesar di Malaysia. Para pengunjung boleh melawat galeri Despicable Me 3 dengan bergambar serta membeli Barangan Despicable Me 3 kegemaran kanak-kanak. Pameran ini dianjurkan oleh JWL Resources Asia Sdn. Bhd dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MPSP dan Penang Global Tourism. Pameran ini berlangsung dari 22 Jun 2017 hingga 3 September 2017.

YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) telah hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Turut hadir ialah YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) Dan Pengangkutan (Udara, Air & Laut), YB Tuan Law Heng Kiang (Exco Pelancongan), YB Tuan Tanasekharan A/L Autherapady (ADUN Bagan Dalam), wakil dari Penang Global Tourism, Think City, Malaysia Book Of Records, YBhg. Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), YBhg. Datuk Bandar MBPP, Ahli Majlis MPSP, Puan Ir Hj Rosnani Binti Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), wakil agensi serta orang ramai.



LAUNCHING CEREMONY OF "DOME DESPICABLE ME 3"



"Dome Despicable Me 3" is one of the slots in the "Entertaining with Despicable Me 3" program in Penang. The dome is 4600 feet long and can accommodate 200 visitors and has created a record in Malaysia Book of Record as the largest giant dome in Malaysia. Visitors can visit the Despicable Me 3 gallery by capturing picture and purchasing Despicable Me 3 merchandise. The exhibition was organized by JWL Resources Asia Sdn. Bhd in collaboration with State Government of Penang, MPSP and Penang Global Tourism. The exhibition runs from 22nd June 2017 to 3rd September 2017.

YAB Sir Lim Guan Eng (Penang Chief Minister) was present to officiate the opening session. Also present were YB Sir Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Sir Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities (Energy, Water & Telekom) and Transportation (Air, Sea & Railway)), YB Sir Law Heng Kiang (Exco of Tourism), YB Sir Tanasekharan A/L Autherapady (Bagan Dalam assemblyman), representatives of Penang Global Tourism, Think City, Malaysia Book of Records, YBhg Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President), YBhg. Mayor of MBPP, MPSP Councillors, Madam. Ir Hj Rosnani binti Mahmod (MPSP Municipal Secretary), agencies representatives and the public.

MAJLIS PELANCARAN "BUTTERWORTH ART WALK PELAN BUTTERWORTH BAHARU"



Majlis perasmian Butterworth Art Walk telah disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Projek ini merupakan salah satu program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Program Butterworth Baharu dalam mewujudkan persekitaran yang hijau dan indah di samping menghidupkan lorong-lorong bangunan yang tidak terjaga tetapi selamat dan strategik. Projek ini dijalankan dengan kolaborasi arkitek kelahiran Butterworth, Encik Zaini Zainul bersama dengan MPSP dan Think City. Projek ini terbahagi kepada 3 fasa yang merangkumi jarak 400 meter dan telah dimulakan sejak Disember 2016. Sebanyak 40 lukisan mural dan 10 arca yang mengisahkan sejarah, sosiobudaya dan ekonomi di Butterworth satu ketika dahulu, telah berjaya dihasilkan oleh para pelukis muda tempatan.

Turut hadir ialah YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) Dan Pengangkutan (Udara, Air & Laut), YB Tuan Law Heng Kiang (Exco Pelancongan), YB Tuan Tanasekharan A/L Autherapady (ADUN Bagan Dalam), YBhg. Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), YBhg. Datuk Bandar MBPP, Ahli Majlis MPSP, Puan Ir Hj Rosnani Binti Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Encik Zaini Zainul serta wakil dari Think City.



LAUNCHING CEREMONY OF "BUTTERWORTH ART WALK OF NEW BUTTERWORTH PLAN"

The opening ceremony of Butterworth Art Walk was graced by YAB Sir Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). This project is one of the programs under the Old Town Action Plan Intervention, New Butterworth Programme in creating a green and beautiful environment while resurrecting undermaintained but safe and strategic building alleys. The project was conducted with collaboration of Butterworth-born architect, Mr. Zaini Zainul along with MPSP and Think City. The project is divided into 3 phases covering 400 meters and has begun since December 2016. A total of 40 murals and 10 sculptures that tell about history, socioculture and economic in Butterworth once upon a time, have been successfully produced by local young painters.

Also present were YB Sir Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment), YB Sir Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities (Energy, Water & Telekom) and Transportation (Air, Water & Railway), YB Sir Law Heng Kiang (Exco of Tourism), YB Sir Tanasekharan A/L Autherapady (Bagan Dalam assemblyman), YBhg. Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President), YBhg. Mayor of MBPP, MPSP councillors, Madam Ir Hj Rosnani binti Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Mr. Zaini Zainul and representative from Think City.



MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA PERBANDARAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI



YBhg. Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud telah dilantik menjadi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai yang ke-15 bagi menggantikan YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif yang telah dilantik menjadi Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Manakala Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud pula dilantik sebagai Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai. Majlis penerimaan jawatan ini telah diadakan di Dewan Kenanga, MPSP dan disaksikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang).

Turut hadir semasa majlis ini adalah YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang), YB Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang), YB Dato' Law Choo Kiang (Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), YB Datuk Seri Farizan Bin Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang), YB Tuan Chow Kon Yeow, barisan Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli Majlis MPSP serta ketua jabatan.

Tahniah diucapkan kepada Yang Dipertua dan Setiausaha Perbandaran MPSP yang telah dilantik. Pihak Kerajaan Negeri, Ahli Majlis, para pegawai MPSP serta penduduk Seberang Perai akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Yang Dipertua dan Setiausaha Perbandaran yang baru untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.



INAUGURATION CEREMONY OF PRESIDENT AND MUNICIPAL SECRETARY OF THE SEBERANG PERAI MUNICIPAL COUNCIL



YBhg. Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud was appointed the 15th President of Seberang Perai Municipal Council to replace YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif who was appointed as Mayor of Penang City Council. Meanwhile, Madam Ir Hajah Rosnani binti Haji Mahmud was appointed as Municipal Secretary of the Seberang Perai Municipal Council. The inauguration ceremony was held at Kenanga Hall, MPSP and witnessed by YAB Sir Lim Guan Eng (Penang Chief Minister).

Also present at the ceremony were YB Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon (Penang Deputy Chief Minister I), YB Prof. Dr. Ramasamy A/L Palanisamy (Penang Deputy Chief Minister II), YB Dato' Law Choo Kiang (Speaker of the Penang State Assembly), YB Datuk Seri Farizan bin Darus (Penang State Government Secretary), YB Sir Chow Kon Yeow, Penang State Government Exco, MPSP councillors and heads of departments.

Congratulations to the President and Municipal Secretary of MPSP who has been appointed. The State Government, councillors, MPSP officers and Seberang Perai residents will give full support to the new President and the Municipal Secretary to carry out their duties with dedication.

PELANCARAN PROJEK PELEBARAN JAMBATAN BATU KAWAN




Projek pelebaran Jambatan Batu Kawan ini merupakan salah satu projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penang Development Corporation (PDC). Projek yang bernilai RM33.5 juta ini bertujuan untuk meningkatkan aliran trafik berikutan dengan perkembangan pesat di kawasan Batu Kawan. Jambatan lama yang berukuran 220 meter panjang akan dilebarkan dari 2 lorong (11 meter) kepada 6 lorong (40 meter) dan dijangka siap pada bulan Mei 2019. Projek prasarana ini sedikit sebanyak dapat memudahkan rangkaian dan sinergi antara Taman Perindustrian Batu Kawan dengan hub pembuatan di Penang Science Park. Dengan adanya jambatan baru ini, ianya dapat menyediakan akses yang lebih cekap, selamat dan lebih baik bagi pengguna jalan raya termasuk para penduduk, pelawat dan memudahkan keperluan pembangunan perniagaan di Pulau Pinang.

YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) telah hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Turut hadir YB Dato' Law Choo Kiang (Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri) dan juga ADUN Bukit Tambun, YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang), YB Tuan Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), YB Puan Kasthuriraani Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan), Dato' Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC), Tuan Sr Haji Rozali Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Encik Mohd Ali Bin Sebran (Pegawai Daerah SPS), Ahli Majlis MPSP, Puan Ir Hj Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Ketua Jabatan MPSP dan orang ramai.



LAUNCHING OF BATU DAWAN BRIDGE WIDENING PROJECT

The Batu Kawan Bridge Widening project is one of the projects of Penang State Government's and Penang Development Corporation (PDC). The RM33.5 million project aims to increase traffic flow due to the rapid development in Batu Kawan area. The 220 meters long bridge will be expanded from 2 lanes (11 meters) to 6 lanes (40 meters) and is expected to be completed by May 2019. The infrastructure project will more or less ease network and synergy between the Batu Kawan Industrial Park and the manufacturing hub in Penang Science Park. With this new bridge, it can provide more efficient, safe and better access for road users including residents, visitors and facilitate business development needs in Penang.



YAB Sir Lim Guan Eng (Penang Chief Minister) was present to officiate the opening session. Also present were YB Dato' Law Choo Kiang (President of the State Legislative Assembly) and Bukit Tambun assemblyman, YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon (Penang Deputy Chief Minister I), YB Sir Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities and Transportation), Dato' Rosli Jaafar (General Manager of PDC), Sir Sr Haji Rozali Mohamud (MPSP President), Mr. Mohd Ali bin Sebran (District Officer of SPS), MPSP councillors, Madam Ir Hj Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), MPSP heads of departments and the public.



MAJLIS PELANCARAN MENGUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI PANGSAPURI SRI MEKAR 1



Program mengumpul minyak masak terpakai ini merupakan program yang keempat telah diadakan di kawasan Seberang Perai oleh MPSP. Program ini adalah untuk menggalakkan para penduduk supaya tidak membuang minyak masak ke dalam saluran pembentungan atau longkang yang boleh menyebabkan longkang atau parit tersumbat. Dalam majlis yang sama bekas pengumpulan minyak masak terpakai berukuran 5 liter turut dibekalkan kepada para penduduk.

YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) telah hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Turut hadir sama Puan Hjh Ir Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Encik Ng Kim Tech (Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Sri Mekar 1), Ahli Majlis MPSP dan para penduduk.

Tahniah dan syabas kepada Pengerusi dan AJK Perbadanan Pengurusan kerana tampil ke hadapan berganding bahu bersama MPSP dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha menjadikan Seberang Perai lebih Bersih dan Hijau.



LAUNCHING CEREMONY OF SRI MEKAR APARTMENT 1 USED COOKING OIL COLLECTION



The programme of collecting used cooking oil was the fourth program that was held in the Seberang Perai area by MPSP. The programme aimed to encourage the residents not to discard cooking oil into sewerage or drains that may cause drains or trenches to be clogged up. In the same event, 5-liter container for gathering used cooking oil was also supplied to the residents.

YB Sir Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment) was present to grace the opening session. Also present were Madam Hjh Ir Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Mr Ng Kim Tech (Chairman of Sri Mekar 1 Apartment Management Corporation), MPSP councillors and residents.

Congratulations and well done to the Chairman and committee of Management Corporation for coming forward to partner with MPSP and Penang State Government in effort to make Seberang Perai Cleaner and Greener.



BM WALK 1.0 2017

18

BM Walk 1.0 merupakan salah satu program dalam Sambutan Hari Majlis Ke-43/2017. Program ini bertujuan untuk mengenali sejarah perkembangan bandar Bukit Mertajam bersama komuniti. Seramai 96 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini yang bermula di Sekolah Jit Sin Persendirian Bukit Mertajam. Para peserta berjalan sejauh 1.1km dan melalui kawasan Bukit Mertajam yang merangkumi 5 hentian iaitu Sekolah Jit Sin Bukit Mertajam, Rumah Wong Pow Nee, Rumah Ibadat Tua Pek Kong, Pasar Bukit Mertajam dan Sin Weng Heng Claypot. Sesi pelepasan telah disempurnakan oleh YB Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam). Antara yang hadir adalah Ketua Jabatan MPSP, wakil dari USM, wakil dari Yokohama University dan Yokohama City, serta wakil komuniti.



BM Walk 1.0 is one of the programmes in Celebration of the 43rd/2017 Council Day. The programme aims to recognize the history of Bukit Mertajam city development with the community. A total of 96 participants participated in the program which started at Bukit Mertajam Jit Sin Independent High School. The participants walked 1.1km through Bukit Mertajam area which included 5 stops, which were Jit Sin Independent High School of Bukit Mertajam, Wong Pow Nee House, Tua Pek Kong Worship House, Bukit Mertajam Market and Sin Weng Heng Claypot. The release session was officiated by YB Sim Chee Keong (Member of Parliament for Bukit Mertajam). Among those who present were MPSP heads of departments, representatives from USM, representatives from Yokohama University and Yokohama City, as well as community representatives.



X-CHANNEL ALL NIGHT WALK 2017



X-Channel All Night Walk 2017 ini adalah anjuran Penang Adventures Club dengan kerjasama MBPP, MPSP dan Think City Sdn. Bhd. Program ini bertujuan untuk mewujudkan jaringan kolaborasi yang baik di kalangan masyarakat dengan penganjuran 'Community Based Programme' dalam mempromosikan inisiatif 'Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang'.

Seramai 245 orang peserta telah mengambil bahagian dalam acara ini yang bermula jam 9.00 malam bertempat di Town Hall MBPP dan dijangka berakhir jam 7.00 pagi pada 23 Julai 2017. Para peserta akan berjalan sejauh 52km yang merangkumi laluan di sebelah Georgetown dan kawasan bandar Butterworth.

Antara yang hadir adalah YBhg. Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP), Ketua Jabatan MPSP serta wakil dari Think City.



2017 X-CHANNEL ALL NIGHT WALK



The X-Channel All Night Walk 2017 is organized by Penang Adventures Club in collaboration with MBPP, MPSP and Think City Sdn. Bhd. The programme aims to create a good network of collaboration in the community by organizing 'Community Based Programme' in promoting 'Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang' initiatives.

A total of 245 participants took part in this event which started at 9.00 pm at MBPP Town Hall and is expected to end at 7.00 am on 23rd July 2017. The participants will travel 52 km which includes the route next to Georgetown and Butterworth city area.

Among those who present were YBhg. Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President), MPSP heads of departments and representative from Think City.

Supported by

thinkcity

Organised by

PENANG ADVENTURES CLUB

Penang Adventures Club

X-CHANNEL ALL-NIGHT WALK 2017

pada 22-23 Julai 2017

Masa perjalanan 10 jam dari 9 malam hari Sabtu hingga 7 pagi hari Ahad. Bermula dan tamat di MBPP Town Hall, Padang Kota Lama, Penang.

Borang penyertaan boleh didapati di <http://www.pac.com.my> dan Pejabat MBPP

Sebarang maklumat sila hubungi Mr. Wong 012 - 5435612

MAJLIS PENYERAHAN BEKAS KITAR SEMULA KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH DALAM PARLIMEN BUKIT MERTAJAM

Sebanyak 34 buah sekolah dalam parlimen Bukit Mertajam telah terpilih untuk menerima satu set yang terdiri dari 4 buah bekas bagi pengisian barang kitar semula yang ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Amphenol TCS. Program ini bertujuan untuk mendidik generasi pelapis masa depan khususnya pelajar sekolah supaya menjadikan amalan 4R (Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle) sebagai satu gaya hidup.

YBhg. Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) telah hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Hadir sama adalah YBhg. Puan Ir Hj Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP), Dato' Lee Teong Li (Pengurus Kumpulan Amphenol TCS), Encik Gary Teoh (Pengarah Urusan Autocity Group) serta wakil-wakil sekolah dalam parlimen Bukit Mertajam.

Program ini diharap dapat memberi impak positif dalam menjadikan sesebuah sekolah sebagai tempat melahirkan generasi yang menghargai dan menjaga alam sekitar.



CEREMONY OF HANDING RECYCLE CONTAINERS TO SCHOOLS IN BUKIT MERTAJAM PARLIAMENT



A total of 34 schools in the parliamentary constituency of Bukit Mertajam have been selected to receive a set of 4 containers for the recycling of recyclable goods sponsored fully by Amphenol TCS Company. The program aims to educate future generations, especially school students, to practice 4R (Rethink, Reduce, Reuse and Recycle) as a lifestyle.

Ybhg. Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President) was present to grace the opening session. Also present was YBhg. Madam Ir Hj Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary), Dato' Lee Teong Li (Manager of Amphenol TCS Group), Mr. Gary Teoh (Managing Director of Autocity Group) and representatives of the Bukit Mertajam schools in the parliamentary constituency.

The program is expected to have a positive impact in making a school a place of birth to a generation that values and safeguards the environment.



SAMBUTAN HARI MAJLIS 2017



KEMPEN DERMA DARAH & PEMERIKSAAN KESIHATAN SEMPENA SAMBUTAN HARI MAJLIS KE-43



JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI MPSP

24



MAJLIS BERSAMA PLANNER OF THE YEAR



MAJLIS PENGURNAIAN PINGAT SEMPENA ULANGTAHUN KELAHIRAN KE-79 TUAN YANG TERUTAMA



Tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Yang Dipertua MPSP) atas pengurniaan Pingat Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) sempena Ulangtahun Kelahiran Ke-79 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas (Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang).

Turut menerima penganugerahan pingat adalah kakitangan MPSP yang berkhidmat dalam tugas-tugas 3D (Dirty, Difficult & Dangerous) yang dikurniakan pingat PJK dan PBS.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima.



MEDAL CONFERMENT CEREMONY IN CONJUNCTION WITH THE 79TH BIRTH ANNIVERSARY OF HIS EXCELLENCY

Congratulations to YBhg. Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President) on his conferment of the State Medal of Honor (DSPN) in conjunction with the 79th Birth Anniversary of His Excellency Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas (The President of Penang State).



Also receiving the medal award was MPSP staff who served in 3D (Dirty, Difficult & Dangerous) tasks, who was awarded the PJK and PBS medals.

Congratulations to all recipients.



MAJLIS PELEBARAN JALAN BUKIT TAMBUN

Projek pelebaran Jalan Bukit Tambun ini merupakan salah satu projek Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Penang Development Corporation (PDC). Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh PDC sebagai projek komuniti dan CSR dalam membangunkan kawasan Batu Kawan menjadi sebuah bandar moden yang canggih dan selesa dengan konsep 'Live, Work and Play'. Jalan yang sedia ada berukuran 2.1km akan dilebarkan dari 2 lorong (11m) kepada 6 lorong (40m) melibatkan jalan dari Jambatan Batu Kawan hingga ke lampu isyarat Bukit Tambun.

YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang) hadir bagi menyempurnakan sesi perasmian. Turut hadir YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), YB Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti Tenaga, Air & Telekom Dan Pengangkutan Udara, Laut & Kereta api), YB Dr. Afif Bin Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa Dan Kesihatan), Dato' Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC), Encik Mohd Ali Bin Haji Sebran (Pegawai Daerah SPS), Puan Hj Ir Rosnani Binti Haji Mahmod (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Ahli Majlis MPSP.

Kerajaan negeri berharap projek ini menjadi satu pemangkin kepada Bandar Batu Kawan dalam pertumbuhan masa depan dan pembangunan hotspot utama di Seberang Perai Selatan.



CEREMONY OF BUKIT TAMBUN ROAD WIDENING



The Bukit Tambun Road widening project is one of the projects of Penang State Government and the Penang Development Corporation (PDC). The project is fully funded by PDC as a community project and CSR in developing the Batu Kawan area into a sophisticated and comfortable modern city with the concept of 'Live, Work and Play'. The existing 2.1km road will be expanded from 2 lanes (11m) to 6 lanes (40m) involving the road from the Batu Kawan Bridge to the Bukit Tambun traffic light.





YAB Tuan Lim Guan Eng (Penang Chief Minister) was present to officiate the opening session. Also present were YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Deputy Chief Minister II), YB Lim Hock Seng (Exco of Public Works, Utilities (Energy, Water & Telekom) and Transportation (Air, Sea & Railway), YB Dr. Afif bin Bahardin (Exco of Agriculture and Agro-Based Industry, Rural and Health Development), Dato' Rosli Jaafar (PDC General Manager), Mr. Mohd Ali bin Haji Sebran (SPS District Officer), Madam Hj Ir Rosnani binti Haji Mahmod (MPSP Municipal Secretary) and MPSP councillors.

The state government hopes that this project will be a catalyst for Batu Kawan town in its future growth and development of the main hotspot in Seberang Perai southern region.

BUTTERWORTH FRINGE FESTIVAL 2017

28



SESI TOWN HALL BERTAJUK 'APAKAH YANG ANDA MAHU DI TINGKAT 1 PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM?'



YOKOHAMA
CITY
UNIVERSITY



U.S.M
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



Municipal Council of Subang Jaya



#myseberangperai
#BMhometown

"APAKAH YANG ANDA MAHU DI TINGKAT 1 PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM?"

SAMPAIKAN PENDAPAT & PANDANGAN ANDA

SESI PLACE MAKING

11 Ogos 2017 | 9.00 Pagi - 4.00 Petang
Hadapan Tangga Pasar Awam Bukit Mertajam

SESI TOWN HALL

14 Ogos 2017 | 2.30 Petang - 5.00 Petang
Hadapan Bangunan MARA Jalan Danby



MAJLIS PELANCARAN NEGARAKU SEHATI SEJIWA DAN PENYERAHAN JALUR GEMILANG

30



SEBERANG PERAI FIESTA 2017



MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN DEWAN BANQUET AMPANG JAJAR



Majlis Pelancaran Pembinaan Dewan banquet Ampang Jajar, Seberang Perai Utara telah disempurnakan oleh Y.A.B Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Antara yang turut hadir di dalam Majlis Pelancaran ini adalah YB Lim Hock Seng (Exco Kerajaan Negeri), YB Phee Boon Poh (Exco Kerajaan negeri), YB Dr Afif bin Bahardin (Exco Kerajaan Negeri), YB Tanasekharan Autherapady (ADUN Bagan Dalam), YBhg Dato' Haji Sr Rozali Haji Mohamud (YDP MPSP), dan YBhg Dato' Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC).

Dewan Banquet Ampang jajar, yang berharga RM42.6juta adalah sebuah projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

Dewan Banquet ini adalah dewan serbaguna dua tingkat merupakan yang terbesar di Seberang Perai Utara dan sangat sesuai untuk diadakan pelbagai aktiviti dan program.

Pembinaan Dewan Banquet ini merupakan komitmen besar kerajaan negeri apabila 77% perbelanjaan pembangunan diberi tumpuan di Seberang Perai. Hal ini bagi memastikan keseimbangan pembangunan di antara Seberang Perai dan kawasan pulau di Pulau Pinang.

PDC telah memanggil tender terbuka dan dimenangi oleh pihak Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd. Proses pembinaan adalah bermula dari 17 April 2017 dan dijangka siap pada 16 Januari 2019.



LAUNCHING CEREMONY OF AMPANG JAJAR BANQUET HALL CONSTRUCTION


The launching ceremony of Ampang Jajar Banquet Hall, Seberang Perai Utara was officiated by Y.A.B Lim Guan Eng, Penang Chief Minister. Among those who were present at the launch were YB Lim Hock Seng (Exco of State Government), YB Phee Boon Poh (Exco of State Government), YB Dr Afif bin Bahardin (Exco of State Government), YB Tanasekharan Autherapady (Bagan Dalam assemblyman), YBhg. Dato' Haji Sr Rozali Haji Mohamud (MPSP President), and YBhg. Dato' Rosli Jaafar (PDC General Manager)

The Ampang Banquet Hall, cost RM42.6 million is a project funded fully by the State Government and was implemented by the Penang Development Corporation (PDC).

The Banquet Hall is a double storey multi-purpose hall in the North region of Seberang Perai and is ideal for a variety of activities and programmes.

The construction of the Banquet Hall is a major commitment of the state government when 77% of development expenditure is concentrated in Seberang Perai. This is to ensure the balance of development between Seberang Perai and the island of Penang.

PDC has called for an open tender and won by Lumson Bina Engineering Sdn. Bhd. The construction process started from 17th April 2017 and is expected to be completed on 16th January 2019.



PROGRAM PENANAMAN POKOK TABEBUIA SPP. (TECOMA) SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-60

Program ini telah diadakan pada 27 Ogos 2017 (Ahad) bertempat di kolam tadahan (wet pond) bersebelahan Ibu Pejabat MPSP dan dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Antara jemputan yang hadir adalah YB Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Negeri), YB Tanasekharan A/L Autherapady (Adun Bagan Dalam), YB Soon Lip Chee (Adun Jawi), YBhg. Dato' Sr Rozali Bin Haji Mohamud (YDP MPSP), Ahli Majlis MPSP, YBhg. Ir Hj Rosnani Binti Haji Mahmod, wakil dari The Malaysia Book Of Records, agensi Kerajaan serta para penaja.

Program ini dilaksanakan bersempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke-60 dimana MPSP akan melaksanakan program penanaman pokok dari spesies Tabebuia Spp. (Tecoma) yang melibatkan sebanyak 3,002 batang pokok yang ditanam secara serentak di kawasan kolam tadahan (wet pond) bersebelahan Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda serta di 12 lagi lokasi dan telah mendapat pengiktirafan dari The Malaysia Book Of Records sebagai Program Penanaman Pokok Tecoma Terbesar Di Malaysia.



Perlaksanaan program ini adalah secara "PUBLIC, PRIVATE, PEOPLE, PARTNERSHIP - 4P's" yang melibatkan MPSP, Ahli Majlis MPSP, Jabatan Perhutanan, syarikat swasta dan komuniti. Tujuan program penghijauan ini juga adalah bagi memenuhi dasar "Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang" dalam mencapai sasaran Bandaraya Rendah Karbon menjelang 2022.

Kesemua pokok yang ditanam adalah sumbangan dari Ahli Majlis MPSP, Jabatan Perhutanan, pemaju dan selebihnya adalah daripada bekalan MPSP sendiri.

PLANTATION OF TABEBUIA SPP. (TECOMA) TREES IN CONJUNCTION WITH THE 60TH INDEPENDENCE DAY CELEBRATION

The programme was held on 27th August 2017 (Sunday) at the wet pond next to the MPSP Headquarters and was officiated by YAB Sir Lim Guan Eng (Penang Chief Minister). Among the guests who present were YB Chow Kon Yeow (Exco of State Government), YB Tanasekharan A/L Autherapady (Bagan Dalam assemblyman), YB Soon Lip Chee (Jawi assemblyman), YBhg. Dato' Sr Rozali bin Haji Mohamud (MPSP President), MPSP councillors, YBhg. Ir Hj Rosnani binti Haji Mahmod, representative from The Malaysia Book Of Records, government agencies and sponsors.

This programme was implemented by "PUBLIC, PRIVATE, PEOPLE, PARTNERSHIP - 4P's" involving MPSP, MPSP councillors, Forestry Department, private companies and community. The purpose of the greening programme is to meet the Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang policy in achieving the target of Low Carbon City by 2022.

All planted trees were contributed by MPSP councillors, Forestry Department, developers and the rest were from MPSP's own supply.



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-60 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG



AKTIVITI PERSATUAN

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN KEPADA KAKITANGAN MPSP YANG MEMERLUKAN SEMPENA BULAN RAMADHAN ANJURAN PUSPANITA MPSP



PENYAMPAIAN SUMBANGAN TABUNG RAMADHAN PERMAI 2017



MAJLIS BACAAN YASIN SEMPENA PERAYAAN HARI MAJLIS KE-43 TAHUN 2017 DAN KEBERANGKATAN JEMAAH HAJI MPSP 1438H



AKTIVITI PERSATUAN

PERTANDINGAN BOWLING ANTARA JABATAN ANJURAN PERSATUAN KEBAJIKAN SUKAN & SOSIAL MPSP



CERAMAH PERDANA SEMPENA PERAYAAN HARI MAJLIS KE-43 TAHUN 2017 (ANJURAN PERMAI MPSP)



LAWATAN

LAWATAN DARI LEMBAGA KEMAJUAN BINTULU (BDA)



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN KLANG



LAWATAN DARI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA



LAWATAN DARI PDGMC



LAWATAN DARI PERSATUAN PENGGERAK KOMUNITI MUDA PULAU PINANG (PEKA)



LAWATAN KERJA JABATAN AKAUNTAN NEGARA



Jalan Perda Utama,
Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang.

Tel : 04-549 7555
Fax : 04-538 9700

www.mpsp.gov.my

